فندفتر فرساتوان نلاين مليسيا
PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN MALAYSIA
D/A LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA,
TINGKAT 7, WISMA PKNS, JALAN RAJA LAUT, PETI SURAT 12630,
50784 KUALA LUMPUR. KAWAT: "MAJUIKAN KUALA LUMPUR".
TELEFON: 2924044. TELEKS: IKAN MA 30054. FAX: 03-2911931.

LKIM : DF 406/ 764/1 (52)
BIL. KAMI:

BIL. TUAN:

TARIKH: 30 Oktober 2009
Bersamaan: 11 Zulkaedah 1430H

Pengerusi
Persatuan Nelayan Kawasan (PNK),
Persatuan Nelayan Negeri (PNN),
Persatuan Nelyan Kebangsaan (NEKMAT).

Tuan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL 3/2009

GARIS PANDUAN KELULUSAN PROJEK PERSATUAN NELAYAN

Perkara diatas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua Persatuan Nelayan dengan ini di ingatkan supaya mematuhi seksyen 5(2), 13A dan 13B Akta No.44, Akta Persatuan Nelayan Tahun 1971 berhubung keperluan kelulusan bertulis dari Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia bagi mana-mana perkara yang tertakluk dibawah seksyen ini.

3. Sebelum mendapat kelulusan bertulis, permohonan projek hendaklah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan. Bagi maksud tersebut, satu garis panduan kelulusan projek disediakan Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan seperti berikut:

3.1 Projek/Aktiviti Persatuan Nelayan yang diwajibkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan adalah seperti di Lampiran A(i). Manakala projek/aktiviti Persatuan Nelayan yang tidak diwajibkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan tetapi perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar adalah seperti di Lampiran A(ii).

3.2 Senarai dokumen yang diperlukan untuk pembentangan kepada Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan adalah seperti di Lampiran B.

3.3. Persatuan-Persatuan Nelayan yang hendak memohon kelulusan projek hendaklah menyediakan kertas kerja cadangan. Garis panduan penyediaan kertas kerja projek adalah seperti di Lampiran C.

3.4 Semua permohonan hendaklah mendapat perakuan / sokongan Pegawai Penyelia Persatuan-Persatuan Nelayan Negeri seperti di Lampiran D.

3.5 Semua permohonan hendaklah diiringi dengan surat permohonan seperti di Lampiran E.

3.6 Carta aliran kerja pelaksanaan projek-projek ekonomi serta permohonan kelulusan Pendaftar adalah seperti di Lampiran F.

4. Kegagalan pihak tuan untuk mematuhi arahan ini akan membolehkan Pejabat Pendaftar mengambil tindakan tegas terhadap Pengerusi dan Pengurus Besar atau mana-mana Ahli Lembaga Pengarah yang terlibat sepenuhnya

Sekian, terima kasih.

"PERTANIAN ADALAH PERNIAGAAN".

Saya yang menurut perintah,

(ABDULLAH BIN ISMAIL)
Penolong Pendaftar
b.p. Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia

s.k.

Dato' Pendaftar
Persatuan Nelayan Malaysia

Pegawai Penyelia
Persatuan-Persatuan Nelayan Negeri .....

Zy/....

Lampiran A(i)

SENARAI PROJEK/AKTIVITI (PEMBELIAN) OLEH PERSATUAN NELAYAN YANG DIWAJIBKAN MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA KELULUSAN PROJEK PN

BIL	JENIS PROJEK/AKTIVITI	PECAHAN
1	Pembelian bangunan (siap atau bina sendiri) untuk tujuan perniagaan e.g. *hotel, chalet ,pejabat operasi* atau tujuan lain yang dibenarkan.	• Pembelian terus dari pemaju atau melalui agen. • Memajukan tanah sendiri • Secara pajakan / sewa. • Projek anugerah
2	Pembelian tanah bagi tujuan ladang, industri, pelancongan atau perumahan termasuk pulau-pulau di Malaysia.	• Ladang kelapa sawit / dsb • Kilang air batu / ikan baja dsb. • Infrastruktur pelancongan diatas tanah inland atau pulau. • Projek perumahan sebagai pemilik ,pemaju atau sub kontraktor.
3	Pelaburan tetap dimana-mana jenis skim amanah (UNIT TRUST)) ATAU pencairan dan pindahan simpanan tetap.	• Pelaburan skim amanah. • Mencairkan simpana tetap (FD) • Memindahkan simpanan tetap (FD). • Mencagarkan simpanan tetap (FD)
4	Pelaburan tunai atau bon di dalam dan Luar Negara.	• Pelaburan bersendikit secara terus / JV atau menerusi agen. • Urusniaga dalam dan luar negara.
5	Penubuhan anak-anak syarikat (subsidiary)	• Penubuhan anak syarikat PN. • Penyertaan PN dalam "board" syarikat. • % penyertaan ekuiti.syarikat. • Jenis-jenis urusniaga.
6	Pinjaman luar dari Institusi kewangan berlesen dalam dan luar Negara.	• Sumber pinjaman luar. • Had di benarkan (MAT) • Tujuan-tujuan pinjaman.
7	Pelaburan usahasama (joint venture) dari mana-mana syarikat atau badan yang berdaftar dan kawal selia oleh kerajaan.	• Pelaburan modal. • % penyertaan • Jenis-jenis perniagaan. •
8	Menjadi rakan kongsi / agensi untuk sesuatu perniagaan berdaftar.	* sama diatas (para 8)

9	Semua jenis projek ekonomi dan sosial.	• Jenis projek. • Saiz projek.. • Secara contract farming atau bebas. • Jaminan pemasaran • Khidmat nasihat pakar. • Sumber modal / pembiayaan. • Tempoh (1 pusingan / tuai) projek • Analisis Pulangan Modal
10.	Penubuhan Tabung Kebajikan/Pinjaman	• Tabung Kebajikan Am • Tabung Pinjaman Ahli • Penggunaan Kumpulan Wang Kebajikan

** senarai projek di atas tertakluk kepada pindaan dan tambahan mengikut kesesuaian.*

SENARAI PROJEK/AKTIVITI (PEMBELIAN) OLEH PERSATUAN NELAYAN YANG TIDAK DIWAJIBKAN MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA KELULUSAN PROJEK PN TETAPI PERLU MENDAPAT KELULUSAN/ KEBENARAN BERTULIS PENDAFTAR

BIL	JENIS PROJEK/AKTIVITI	PECAHAN
1	Pembelian lain-lain aset yang tidak melebihi RM100,000 termasuk kenderaan, mesin-mesin, perkilangan atau penggajian pekerja dan kontrak.	• Membeli kenderaan rasmi untuk kegunaan pejabat. • Membeli mesin-mesin dan bangunan kilang termasuk tapak tanah. • Penggajian pekerja secara kontrak. • Peralatan untuk sesuatu projek kontrak. NOTA: Dibentang dalam Mesyuarat Jawatan kuasa Kelulusan Projek PN jika Pejabat Pendaftar mendapati perlu.
2	Menganjurkan mesyuarat ALP (bulanan) di luar kawasan operasi , lawatan sambil belajar dan program lawatan keluar Negara ,etc.	• Keperluan dan kesesuaian megadakan mesyuarat ALP di luar kawasan operasi PN tidak melebihi 1 kali sahaja dalam 1 tahun • Program lawatan sambil belajar hanya tertakluk kepada yang di anjurkan oleh kerajaan sahaja. • Lawatan keluar Negara bagi destinasi dan kos yang munasabah dan tidak melebihi 1 kali dalam satu sessi / penggal ALP. NOTA: Petunjuk prestasi pencapaian keuntungan tahunan PN adalah asas utama bagi kebenaran untuk lawatan keluar negara. Bagi PN yang menurun pencapaian nya TIDAK DIBENARKAN sama sekali menganjurkan program ini. DAN mana-mana PN yang didapati mengadakan apa-apa jua program lawatan TANPA KEBENARAN akan dikenakan surcaj dimana semua ALP termasuk Pengurus Besar akan diarahkan bayar balik semua perbelanjaan terlibat sepenuhnya.
3	Pembayaran Dividen, Bonus dan Honorarium	• Kelulusan Pendaftar Pembahagian Keuntungan • Lulus Mesyuarat Agung • Kadar Pembahagian Keuntungan mengikut perlembagaan • Formula agihan bonus dan honorarium disyurkan Pengurus dan lulus Mesyuarat ALP

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PEMBENTANGAN KEPADA JAWATAN KUASA KELULUSAN PROJEK- PROJEK PERSATUAN NELAYAN.

@ Kertas kerja cadangan (Proposal)

@ Surat tawaran jual beli.(Offer letter)

@ Surat "Aku Janji" (Stake holder).

@ Surat niat / persetujuan jual beli. (Intention Letter)

@ Minit-minit mesyuarat ALP / Mesyuarat agung / Mesyuarat khas.(forecasting)

@ Ulasan / Sokongan Pegawai Penyelia Negeri.(Testimonial) - **Lampiran D**

@ Sebut harga. (Quotation)

@ Surat jaminan bank untuk tujuan pinjaman / sumber modal.(Bank Guarantee)

@ Pelan / struktur bangunan / lokasi tapak. (Layout plan /Building structure)

@ Dokumen pemilikan asal / penjual / pembeli.(Certificate of ownership)

@ Pengesahan "had pinjaman luar".

@ Satu salinan akaun yang telah diaudit / diluluskan oleh Pendaftar.

@ Perakuan PN untuk menanggung liability / mampu bayar.

@ Surat iringan memohon kelulusan Pendaftar. - **Lampiran E**

NOTA: Atau apa-apa dokumen lain yang akan di perlukan oleh Pendaftar.

Lampiran C

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA
UNTUK KELULUSAN PENDAFTAR

1. Tujuan kertas kerja disediakan ' Kertas kerja ini disediakan untuk memohon kelulusan Pendaftar PN bagi membolehkan PNK ..... melaksanakan Projek Perniagaan Ikan di .....'

2. Latarbelakang / Pendahuluan

   I. Maklumat Kawasan Kegiatan seperti :
   Bilangan dan Pekerjaan Penduduk, Bilangan Nelayan, Bilangan Pemborong Ikan mengikut Kampung Kemudahan Infrastruktur dan lain – lain.

   II. Maklumat PN seperti :
   Penubuhan PN, Bilangan Ahli dan Saham mengikut kategori dan kampong, Bilangan bot mengikut jenis peralatan dan Kuasa Kuda Enjin, Infrastruktur Perikanan, Projek – projek Ekonomi PN dan maklumat asas lokasi projek dicadangkan.

3. Kelulusan – kelulusan

   Kelulusan yang telah diperolehi seperti :

   I. Kelulusan lessen dan Tempat) Lampiran salianan Lesen Minit
) Mesyuarat dan lain – lain
   II. Kelulusan Mesyuarat ALP / Agung)

4. Cadangan Perlaksanaan Projek

   I. Keperluan modal – modal tetap & modal kerja) serta sumber modal.

   II. Cadangan operasi projek dan pengurusan projek.

5. Kajian Kemungkinan Projek

   I. Kajian Kemungkinan Pasaran
   - dapatkan anggaran nilai pasaran (bulanan & tahunan) dan kos – kos pemasaran.

   II. Kajian Kemungkinan Operasi
   - dapatkan nilai bekalan, kos tetap, kos operasi tunai dan kos per unit.

   III. Kajian Kemungkinan Kewangan
   - sediakan anggaran untung rugi dan jadual aliran tunai (bulanan & tahunan)

   IV. Kajian Kemungkinan Pelaburan
   - buat kiraan jualan pulang modal dan RO1.

Ringkasan tiap – tiap kajian dinyatakan seperti methodology Kajian Pemasaran, Operasi yang di pilih serta kos – kos operasi serta apakah kriteria yang di pilih dalam kajian kemungkinan pelaburan serta keputusan akhir.

6. Justifikasi Dan Faedah Projek

Kepentingan dan faedah projek kepada PN, ahli dan mesyuarat umum

7. Penutup

Lampiran D

SURAT PERAKUAN / SOKONGAN
PEGAWAI PENYELIA PERSATUAN NELAYAN NEGERI

Mengikut Seksyen 10 (1), Akta 44 Persatuan Nelayan 1971, saya _____ Selaku Pegawai Penyelia Persatuan Nelayan Persatuan Nelayan Negeri _____ telah meneliti permohonan untuk melaksanakan projek _____ oleh PNK / PNN_____

Saya telah membuat semakan ke atas perkara – perkara berikut :

☐ Keputusan Mesyuarat Agung Tahunan _____

☐ Keputusan Mesyuarat ALP ke _____ pada _____

☐ Keputusan kewangan PN yang berakhir pada _____

☐ Projek berdaya maju mengikut kertas kerja

☐ Keupayaan pengurusan / kaedah pengueusan projek

☐ Kewangan dan sumber untuk membiayai projek

☐ Projek ini memberi faedah – faedah berikut :
(1) _____
(2) _____
(3) _____

Saya dengan ini mengesahkan segala keterangan yang dikemukakan adalah benar dan wajar. Seterusnya saya menyokong permohonan projek ini diberi kelulusan oleh Pendaftar.

Tarikh : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

1 / Penilaian daya maju projek mestilah dijalankan oleh Urusetia – urusetia yang berkaitan (i.e. Urusetia Akuakultur untuk projek – projek akuakultur dll)

Lampiran E

Pendaftar,
Persatuan Nelayan Malaysia,
d/a Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia,
Tingkat 4, Menara Olympia,
No. 8, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

Tuan,

Memohon Kelulusan Pendaftar Untuk Perlaksanaan Projek Persatuan Nelayan

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Persatuan Nelayan telah mendapat kelulusan dari MAT untuk melaksanakan projek _____

_____

Dengan modal sebanyak RM _____ . Mengikut Seksyen 5 (2), Akta 44 Persatuan Nelayan, 1971 Persatuan dengan ini memohon kelulusan bertulis dari pihak Pendaftar bagi melaksanakan projek tersebut.
Bersama – sama ini dikemukakan dokumen sokongan yang diperlukan iaitu :

- ☐ Kelulusan yang dipohon
- ☐ Kelulusan MAT _____
- ☐ Keputusan Mesyuarat ALP _____
- ☐ Kertas kerja projek
- ☐ Perakuan Pegawai Penyelia PN Negeri
- ☐ Dokumen Sokongan lain

_____


Sekian, terima kasih

Yang benar

Pengurus Besar
PNK / PNN

Lampiran F

CARTA ALIRAN KERJA PELAKSANAAN PROJEK – PROJEK
EKONOMI PN SERTA PERMOHONAN KELULUSAN PENDAFTAR



Cadangan Projek (Kajian awal)

Pohon persetujuan Mesyuarat ALP

Setuju ?
Ya

Kajian kemungkinan (sedia kertas kerja)

Pohon kelulusan mesyuarat ALP

Pohon kelulusan lesen dan tapak

Lulus?
Ya

Pohon sokongan Penyelia Negeri (Kertas kerja)

Kajian viability dan perundangan oleh Penyelia Negeri

Sokong?
Ya

Penyelia Negeri keluar surat sokongan

Pohon kelulusan mesyuarat agung

i) Projek Bantuan;
   - kelulusan projek

ii) Projek Modal Sendiri;
   - kelulusan projek dan belanjawan

iii) Projek Melibatkan Pinjaman Luar;
   - kelulusan projek, belanjawan dan kuasa pinjaman luar

Pohon kelulusan Pendaftar bersama kertas kerja projek dan salinan – salinan dokumen yang perlu.

Bentang Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Projek PN

Lulus

Pendaftar keluar surat kelulusan

LAKSANA PROJEK